

08 JUN 2003

Mohar-Reaksi (Bergambar)

TUN MOHAR BANYAK BERJASA KEPADA NEGARA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Kurniawati Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menziarahi jenazah Pengerusi Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) Raja Tun Mohar Raja Badiozaman di kediaman Allahyarham di Jalan Damai, Ampang di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut berada di kediaman Raja Mohar untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Allahyarham.

Raja Mohar, 81, meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai pada pukul 3.19 pagi ini.

Selain para pemimpin kerajaan dan tokoh-tokoh korporat, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar, Raja Muda Perlis dan Raja Muda Perak turut menziarahi jenazah Allahyarham dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Dr Mahathir yang kelihatan sebak berkata, Raja Mohar telah berkhidmat kepada negara sehingga akhir hayatnya.

"Tun saya punya `penasihat ekonomi'...dia juga penasihat kepada Tun Hussein (Onn) dan Tun (Abdul) Razak (Hussein)," katanya kepada pemberita.

Abdullah turut menyatakan penghargaan kepada Raja Mohar yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam perkhidmatan awam dan juga kemudiannya di sektor swasta.

"Kita kehilangan seorang anak watan yang berjasa kepada bangsa, yang telah memainkan peranan yang sangat penting kepada negara," katanya.

Selain menjadi penasihat ekonomi kepada tiga Perdana Menteri, antara jawatan penting lain yang pernah disandang Raja Mohar ialah sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan pengerusi beberapa organisasi seperti Penerbangan Malaysia (MAS), Petronas dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Beliau turut menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1993 dan pernah menjadi pro-canselor Universiti Sains Malaysia (USM).

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut menziarahi jenazah Allahyarham berkata Raja Mohar merupakan seorang pegawai kerajaan dari generasi sebelum merdeka yang begitu dedikasi dalam menjalankan tanggungjawab.

"Ada integriti yang tidak boleh disangkal yang dihormati oleh semua pegawai kerajaan...kepimpinan dan peranan beliau boleh dicontohi oleh generasi masakini," katanya.

Pengarah Urusan Perodua Tan Sri Abdul Rahman Omar berkata pengalaman bekerja dengan Raja Mohar akan sentiasa menjadi ingatan kepada beliau.

"Sebagai pengerusi, Allahyarham telah memberi garis panduan kepada kumpulan pengurusan dan beliau merupakan seorang profesional," katanya.

"Sangat mudah bekerja dengan beliau kerana beliau seorang yang `merendahkan diri'," katanya.

Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin juga menyatakan Allahyarham telah memberikan sumbangan besar kepada negara.

"Beliau merupakan seorang negarawan yang telah memberi khidmat kepada negara," katanya.

Seorang ahli perniagaan yang tidak tahan sebak Datuk Siew Nin Chee berkata beliau mengenali Raja Mohar untuk lebih 50 tahun.

"Beliau bagaikan abang kepada saya....saya memanggilnya Ungku...Raja Mohar ialah anak jati teragung Malaysia," katanya.

-- BERNAMA
KK AZZ PR